

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN DAN HADIAH

Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan 2009
Pelajar Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru
Anjuran bersama DBP Wilayah Selatan dan Perpustakaan Sultan Ismail MBBJ

1. Sayembara ini terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah dalam kawasan **Pejabat Pelajaran Daerah Johor Bahru** sahaja.
2. **Penyertaan** untuk peringkat saringan adalah **terhad**. Pihak penganjur hanya akan **memilih 10 peserta terbaik** untuk ke peringkat akhir.
3. **Peringkat saringan** akan diadakan pada **5 Ogos 2009 (Rabu) pukul 9 pagi** di **Balai Seminar DBP Wilayah Selatan, Larkin Perdana, Johor Bahru**, manakala **peringkat akhir** akan diadakan pada **8 Ogos 2009 (Sabtu), pukul 11 pagi** di **Plaza Angsana, Johor Bahru**.
4. Setiap peserta yang layak menyertai peringkat saringan akan dimaklumkan melalui surat dan dihubungi melalui telefon oleh pihak Perpustakaan Sultan Ismail MBBJ dan DBP Wilayah Selatan.
5. Peserta dikehendaki **mendeklamasikan sebuah (1) puisi bertemakan kemerdekaan dan patriotisme**. Pelajar bebas memilih mana-mana puisi yang pernah diterbitkan tetapi haruslah menepati tema yang dikehendaki penganjur.
6. Peserta **wajib menyertakan puisi pilihan** yang ingin dideklamasikan ketika menghantar borang penyertaan kepada pihak penganjur.
7. Deklamasi puisi yang dimaksudkan adalah pembacaan puisi, bukannya menyanyikan puisi dengan irama-irama tertentu dengan dibantu bunyi daripada rakaman kaset atau cakera padat atau sebagainya.
8. Peserta **digalakkan menghafal puisi** pilihan mereka. Walau bagaimanapun peserta dibolehkan membawa teks puisi pilihan ketika mendeklamasikannya bagi mengelak daripada terlupa yang boleh mengganggu pembacaan.
9. Peserta dibenarkan memakai **pakaian yang bersesuaian** dengan tema puisi serta dibenarkan bergerak bebas di atas pentas. Pergerakan yang tidak sesuai dengan tema dan mesej puisi boleh mengurangkan markah.
10. Peserta dibenarkan membawa alat bantu (props) yang bersesuaian serta tidak membahayakan. Alat bantu yang menghasilkan bunyi-bunyian dari semua jenis alat muzik termasuk alat perakam tidak dibenarkan.
11. **Borang penyertaan** boleh diperoleh di Perpustakaan Sultan Ismail MBBJ, Jalan Datin Halimah, Johor Bahru. **Tarikh tutup penyertaan pada 17 Julai 2009**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pihak Perpustakaan Sultan Ismail di talian **07-2391793 / 96 No. Fax 07-2373845 (Zanudin bin Aziz/ Yullana bte Sirkam)**.
12. Penghantaran borang penyertaan seperti maklumat di bawah:

**Urus Setia Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan,
Pelajar Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru,
Perpustakaan Sultan Ismail MBBJ, Jalan Datin Halimah,
80350 Johor Bahru.**

Hadiah

- a. **Pertama** - Wang tunai RM300.00 + Piala + Sijil + Hadiah Iringan
- b. **Kedua** - Wang tunai RM200.00 + Piala + Sijil + Hadiah Iringan
- c. **Ketiga** - Wang tunai RM100.00 + Piala + Sijil + Hadiah Iringan
- d. **7 hadiah sagu hati** - Wang tunai RM50.00 + Sijil + Hadiah Iringan